

PM lawat

Jepun 12 Dis

NOV 23 2002

KUALA LUMPUR 22 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali akan mengadakan lawatan lima hari ke Jepun mulai 12 Disember ini.

Menurut kenyataan Kedutaan Jepun di sini hari ini, Dr. Mahathir akan menyampaikan ucap tama pada Seminar Ulang Tahun Ke-20 Dasar Pandang Ke Timur anjuran Kementerian Luar Jepun pada hari pertama lawatannya.

Pada hari berikutnya, beliau akan menyampaikan ucap tama pada Simposium Islam: *Membentuk Keamanan dan Dialog di Dunia Bertamadun*. Ia adalah anjuran bersama duta-duta negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Jepun dan United Nations University.

Dr. Mahathir juga akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin kerajaan Jepun dan mengunjungi kawasan di luar Tokyo, kata kenyataan itu lagi.